

TAKHTA KERAJAAN

Negeri Sembilan



||
oleh:

Abdul Samad Idris

TAKHTA KERAJAAN NEGRI SEMBILAN.



**DI-KARANG, DI-SUSUN
DAN
DI-TERBITKAN**



OLEH:

**ABDUL SAMAD IDRIS,
(HAK PENGARANG TERPELIHARA)**

A handwritten signature or inscription is written over a horizontal line.

DAFTAR ISI-NYA.

	Muka.
1. Asal nama Seri Menanti	... 5.
2. Negeri Sembilan Sa-belom beraja	... 11.
3. Kematian Dato' Penghulu Naam	... 15.
4. Asal Orang Empat Istana	... 18.
5. Asal Nama Negeri Sembilan	... 25.
6. Ganti Raja Melewar	... 28.
7. Perang dengan Dato' Kelana dan Inggeris	... 32.
8. Inggeris mula menchekam	... 40
9. Perjanjian Yam Tuan Seri Menanti dengan Undang Yang Empat dan Inggeris	... 46.
10. Peratoran menabalkan Yang di-Pertuan, N. S.	... 55.
11. Riwayat Tuanku Muhammad Shah	... 65.
12. Kemangkatan Tuanku Muhammad	... 68.
13. Riwayat lengkas almarhum Tuanku A. Rahman	... 76.
14. Yang Maha Mulia Tuanku Menawir	... 81.
15. Pergadohan ketika melantek Tengku Imam Janggot	86.
16. Peratoran menabalkan yang di-Pertuan Besar, N. Sembilan.	... 90.
17. T. Durah T. Ampuan Negeri Sembilan.	... 104.
18. Istiadat Penghulu mengadap.	... 109.
19. Perjanjian di-Antara Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti dengan Undang Yang Empat	... 119.
20. His Hinghness Tuanku Menawir	... 121.
21. Hak Raja dan pantang larang-nya	... 125.



Penyusun dan pengarang buku ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah dan daulat dergahayu ka-pada D. Y. M. M. Tuanku Munawir, D. M. N., S. P. M. B., dan Tuanku Ampuan Durah menaikki takhta singgahsa-na Kerajaan Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan Tuhan lanjutkan usia zaman Baginda sehat walafiat memerintah dengan adil dan seksama yang akan memberikan kebahagiaan dan kemaamoran kepada rakyat dan negara.

Achapan Pertabalan Duli Y.M.M.

Yang di-Pertuan Besar Tuanku
Munawir S. M. N., S. P. M. B.

dan

Tuanku Ampuan N. Sembilan

dari:



GUTHRIE & COMPANY

LIMITED,



SEREMBAN, N. S.

SEKAPOR SIREH.

Alhamdulil-lah dengan inayah Tuhan yang maha kuasa, maka dapat-lah saya menyusun buku yang kechil ini untuk di-persembahkan kapangkuan saudara2 terutama dan istimewa kepada mereka yang menchintai sejarah tanah ayer-nya. Saya mengaku dengan sa-sunggoh-nya ada-lah buku yang di-beri nama "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan" ini ada-lah sa-buah buku yang sama sekali belum lengkap dan saya sendiri merasa belum puas hati di atasnya, baik isi-nya begitu jua susunan yang mengenai teknik dan jua penggal2 yang terkandong di-dalamnya, insha-Allah sa-kira-nya buku ini mendapat sambutan dari penggemar-nya akan di-usahakan dengan sa-baik-nya2 bila perchetakan yang kedua kali-nya nanti.

Selain dari bertujuan hendak menuliskan chatetan2 sejarah yang selama ini bermain dari mulut ka-mulut orang tua2 sahaja, maka saya persembahkan buku ini kepada keturunan kita akan datang sekurang-nya sebagai bahan penyiasat bagi mereka untuk menyelami lagi sedalam-nya2 lubok sejarah kampong halaman dan tanah ayer-nya yang selama ini ada-lah di-tuliskan orang2 yang bukan-nya ra'rat negeri ini.

Buku ini telah saya karang dan susunkan sa-telah mendapat bahan2 dari beberapa segi, ia-itu dari perchakapan mulut ka-mulut orang tua2, keterangan2 yang di-beri dari mereka yang maseh ingat dan lagi dari buku chatatan istana yang maseh ada tersimpan dengan baik-nya. Apa yang menarek hati dari beberapa perkara yang saya anggap penting, ia-lah tulisan perjanjian2 yang di-buat dalam kurun yang ka-sembilan belas, ketika mana belum ada sa-buah sekolah pun terdiri dalam negeri ini, menilik dari jalan bahasa yang di-karang oleh orang tua2 zaman itu sa-sunggoh-nya mengkagumkan kita jika di-bandingkan dan di-nilai dari pelajaran dan keadaan zaman-nya, akan tidak kena-lah pada tempat-nya dan bagi mereka yang tidak menghargai usaha sa-saorang sahaja-lah yang akan menganggap sepi akan kebijaksanaan orang tua2 dahulu dalam karang mengarang dan surat menyurat dalam bahasa-nya.

Tidak lupa saya menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Y. T. M. Tengku Besar Burhanudin dan Y. B. Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusoff Orang Empat Istana yang telah memberikan beberapa bahan yang berguna untuk saya menyusunkan buku ini, begitu juga kapada yang berkenaan di-Istana Besar Seri Menanti yang telah menolong saya memberikan beberapa kemudahan untuk mendapatkan beberapa bahan yang mustahak. Kapada sidang pembacha yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangau meminta maaf di atas beberapa kesilapan yang akan tuan2 temui dalam masa membacha nanti, anggap-lah kesalahan2 yang di-temui itu sebagai satu kesilapan yang tidak di-sengajakan dan berlaku sechara kebetulan jua.

Seri Menanti,
Negeri Sembilan,
1 hb. April, 1961.

Salam hormat dan taazim dari saya.
Abdul Samad Idris.



Duli Y.M.M. Tuanku Munawir S.M.N., S.P.M.B.
Gambar 1959.

PERANG DENGAN DATO' KELANA DAN INGGERIS.

Yamtuan Imam telah berkahwin dengan Enche' Normah dan beroleh enam orang putera dan puteri, salasilah keturunannya ada-lah saperti berikut:—

Yamtuan Imam X Enche' Normah

T. Ahmad	Tunggal	T. Chindai	T. Ulin	T. Alam	T. Jumaat	T. Maadin
----------	---------	------------	---------	---------	-----------	-----------

Satelah Yamtuan Imam mangkat Negeri Sembilan tidak mempunyai Raja selama tiga tahun, kejadian ini telah berlaku kerana ada perebutan kuasa di-kalangan anak2 Raja yang hendak mendudokki takhta kerajaan, sa-orang daripada anak Raja yang berkeras hendak menjadi Raja itu ia-lah putera Yamtuan Imam sendiri bernama Tengku Ahmad Tunggal.

Ketika itu ada sa-orang Orang Besar bernama Kahar yang kemudian-nya satelah pergi ka-Mekah bernama Haji Mokmin bergelar Dato' Siamang Gagap. Dato' ini ada-lah sa-orang yang amat gagah dan tidak ada orang berani menentang chakap-nya. Kedudokkan-nya pada masa itu ada-lah berpangkat sebagai sa-orang Menteri atau Bendahara yang memegang teraju pentadbiran negeri. Ia telah memutuskan, oleh kerana ada-nya perbalahan yang sengit di-kalangan anak2 Raja yang berebutkan takhta itu, maka ia sendiri menetapkan supaya balu Yamtuan Radin yang bernama Tengku Ampuan Intan di-angkat menjadi pemangku Raja buat sementara. Dalam masa pemerentahan Tengku Ampuan Intan ini-lah Dato' Muda Linggi mula2 di-lantek. Menurut cherita-nya sa-masa Tengku Ampuan Intan melawat Linggi kerana memungut chukai, tidak ada sa-orang pun orang Besar Raja di-sana sebagai tempat tumpuan-nya, kerana itu-lah hingga sekarang ini Dato' Muda Linggi itu mengadap ka-Seri Mennati tiap2 tiga tahun sakali.

Dalam masa itu juga Orang Besar Negeri Sembilan yang terdiri dari Dato'2 Penghulu Luak dan Orang Ampat Istana telah berikhtiar bagi mengangkat Raja bagi mengganti-

kan Yamtuan Imam yang mangkat itu. Orang2 Besar ini tidak berapa suka Tengku Ahmad Tunggal diangkat menjadi Raja kerana dikatakan bersabit dengan kelakuan-nya. Dengan kekuatan Orang2 Besar dan di-sokong pula oleh segolongan anak2 Raja, maka di-angkat-lah Tengku Laksamana Antah Putera Yamtuan Radin dan anak saudara kapada Yamtuan Imam menjadi Raja, pada tahun 1872. Sa-belum itu kakanda Yamtuan Antah yang bergelar2 Tengku Besar bernama Lintau lebeh dahulu telah di-tawarkan, tetapi Tengku Besar Lintau telah menolak lantekan itu kerana ia di-khabarkan sa-orang yang alim lagi warak dan tidak suka menchampori pemerentahan negeri dengan memikul tanggong-jawab yang berat2.

Satelah Tengku Ahmad Tunggal kechewa untuk menjadi Raja, maka ia pun lari meninggalkan Seri Menanti berjumpa dengan Dato' Kelana Putera Sungai Ujong, pada masa itu Dato' Kelana Sungai Ujong bernama Syed Abdul Rahman atau selalu juga di-panggil dengan Syed Aman sahaja. Dato' Kelana ada-lah bersimpati dengan tuntutan Tengku Ahmad Tunggal ini dan berjanji akan menolong-nya.

Tengku Ahmad Tunggal telah berjanji pula sekira-nya ia berjaya menjadi Raja Negeri Sembilan, sa-orang daripada anak-nya akan di-angkat menjadi Yamtuan Muda Rembau. Ketika itu penjajah British sudah pun memerentah Melaka dan selalu sahaja dantang ka-Sungai Ujong meninjau2 dan mengadap Dato' Kelana konon-nya untuk menjalankan perniagaan dan perdagangan.

Dalam masa ini-lah British telah berjaya memainkan peranan-nya yang penting mempengaruhi Dato' Kelana dan berjanji akan membantu-nya sekira-nya Dato' Kelana hendak menyerang Seri Menanti dengan berselindong di-sebalek hendak menolong Tengku Ahmad Tunggal merebut takhta Kerajaan Negeri Sembilan yang menjadi hak-nya.

Salepas itu berlaku-lah peperangan yang sengit di-antara Seri Menanti dengan Sungai Ujong yang di-bantu oleh British. Peperangan ini di-kenal dengan nama perang "Bukit Putus" kerana di-bukit Putus ini-lah berlaku-nya peperangan yang

hebat di-antara kedua belah pehak. Dalam perperangan ini akhirnya Seri Menanti telah kalah di-tangan tentera British yang di-ketuai oleh Captain Murry.

Pendudok Seri Mennati telah lari meninggalkan rumah-tangga-nya dan juga Yamtuan Antah turut lari menyelamatkan dari tertawan. Istana Yamtuan Antah telah di-bakar dan juga banyak rumah2 ra'ayat yang di-bakar menjadi abu, kekalahan ini berlaku pada tahun 1874.

Satelah Yamtuan Antah lari meninggalkan Seri Mennati, maka Dato' Kelana Sungai Ujong, Dato' Rembau dan Dato' Jelebu pun mengistiharkan diri-nya menjadi Penghulu yang bersendirii dalam Luak masing2 dan tidak-lah mengakui beraja ka-Seri Menanti lagi. Pada masa itu pengaruh British pun mulai-lah menjalar semakin mendalam dalam ketiga2 Luak itu yang akhir-nya terus berkuasa.

Yamtuan Antah telah pergi mengadap Raja Johor menyatakan perihal Negeri-nya telah di-perangi oleh Dato' Kelana yang di-sokong oleh British. Raja Johor telah menasehatkan Yamtuan Antah supaya berjumpa Governor Negeri2 Selat di-Singapura. Yamtuan Antah pun pergi-lah berjumpa dengan Governor British itu, nama-nya Sir Fredrick Alusysweld. Dalam perjumpaan itu Sir Fredrick menyatakan pada Tengku Antah, "Adat dalam perperangan Tuanku, siapa yang kalah hilang-lah negeri dan siapa yang menang dia-lah memerentah negri. Sekarang Dato' Kelana Syed Aman menang, dia-lah memerentah dan mempunyai negeri" Chakap Governor ini telah di-jawap oleh Yamtuan Antah dengan berkata, "Saya tidak kalah dengan Syed Aman, tetapi kalah dengan soldadu Birtish, kami tidak terlawan soldadu British itu kerana itu-lah kami kalah. Kalau tuan boleh membenarkan, biar-lah kami balek berperang dengan Syed Aman dengan sharat soldadu British tidak champor tangan, beri kami tempoh dua bulan sahaja, sekira-nya Syed Aman menang biar-lah ia memerentah negeri kami itu".

Mendengar kata Yamtuan Antah itu, Sir Fredrick menjawab, "Untuk menjaga keamanan Tuanku, sekarang balek-lah Tuanku ka-Seri Menanti dan menjadi Raja Seri Menanti

sahaja. Sungai Ujong biar-lah tinggal pada Syed Aman". Dengan keputusan Governor British itu maka balek-lah Yamtuan Antah ka-Seri Menanti dan menjadi Raja Seri Menanti sahaja. Luak yang termasok dalam pemerentahan-nya ia-lah, Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunong Pasir. Kemudian satu perjanjian telah di-buat di-antara Yamtuan Antah dengan Penghulu² Luak perjanjian itu bertarikh pada 23 hb. November, 1876 dan di-saksikan oleh Governor British, perjanjian itu berbunyi:—

"Bahwa pada dewasa yang tersebut itu-lah kita sakalian yang telah menurunkan tanda tangan di-bawah ini ada hadzir di-hadapan Tuan Yang Terutama Governor yang memerentahkan tiga buah negeri pada hal hendak berbuat perjanjian ini yang memberi perdamaian dan aman pada negeri² yang di-perentah oleh kita memegang wakil itu, ada surat perjanjian ini kita beri akan alamat kebenaran kita serta berjanji bagi yang termazkur di-bawah ini:—

Maka ada-lah kita hendak tinggal dengan perdamaian di-dalam negeri² kita sendiri dan mengaku akan Tengku Antah itu menjadi Yamtuan, maka di-panggil akan dia Yamtuan Seri Menanti memerentahkan Seri Menanti Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunong Pasir, Inas ha-nya-lah.

Sebagai lagi perjanjian kita maka tiada-lah sekali² kita kelak memberi kesusahan pada negeri² yang hampir itu ia-itu Rembau, Sungai Ujong dan Jelebu yang tiada suka mengikut perentah Yamtuan Seri Menanti itu, maka ada pun negeri yang tiga buah ini telah di-ketahui ia-itu telah menjadi berasing² kerajaan-nya itu ada-nya.

Dan lagi perjanjian kita jikalau orang² yang baik hendak berniaga dalam negeri kita itu baik daripada Orang Melayu atau China atau lain² bangsa sekali pun boleh-lah merekaitu berniaga dengan kebebasan-nya dan tiada-lah kita kelak perniayakan atas merekaitu ada-nya. Shahdan ada-lah pula kita menyatakan dengan kemashgholan kita atas pergaduhan yang

telah jadi dalam Negeri Sembilan itu, maka ada-lah perjanjian kita ini atas sakalian mereka yang bersahabat baik dengan British Government daripada atau semenjak daripada pergaduhan itu tiada-lah sekali2 dalam mana2 jalan sekali pun kelak kita menyusahkan merekaitu ada-nya.

Sebagai pula kita berikrar di-dalam sasuatu pertahanan atau kesusahan yang berbangkit di-antara negeri2 kita itu mana2 yang tiada dapat kita menyelesaikan dia maka hendak-lah kita memohonkan dan menerima pengajaran Yang Maha Mulia Maharaja Johor itu ada-nya.

Walakin maka ada-lah kita menentukan daripada hari ini tiadalah boleh sakali2 Yamtuan Tengku Antah yang tersebut ini membagikan chap-nya yang dahulu atau yang lain2 daripada chap atas segala rupa surat kiriman dan lain2 rupa surat melainkan hendak-lah ia memakai chap baharu yang berbunyi demikian ini "Alwatak birabbi — ghapur Yamtuan Tengku Antah Seri Menanti Ibn Almarhum Yamtuan Raja Radin Sunnah 1893", melainkan sekali ini sahaja ia-lah chap yang ada termetri di-bawah ini kerana chap baharu itu belum sedia ada-nya".

Penghulu
Gunong Pasir
(Lahu)

Alwattaku
Almalikulmanan
Al-Sultan Tengku Antah
Ibn Almarhum Raja
Radin Sunnah 1243.

(Dato' Penghulu Johol
Johan Pahlawan Lela
Perkasa walad
Dato' Kuala Diah
Sunnah 1117.


(Dato' Penghulu Johol
itu nama-nya di-metrikkan
chap-nya ini oleh wakil
mutalak-nya Dato'
Baginda Tan Abdullah
batang tuboh-nya)

Kurnia Sultan Mahmud
Ibn Sultan Abdul Jalil
kapada Setia Maharaja
Lela pahlawan,
(Penghulu Muar Zainal
Abidin)

Ibu Dato' Lela Putera
Perdana Menteri
(T. Tangan Penghulu
Jempol Johan nama-nya)



**Tuan Martin Lister Resident of old
Negeri Sembilan 1895—1897.**



**Tuan E. W. Birch C.M.G. Resident
Negeri Sembilan 1897—1901.**

Dato' Penghulu Johan
 Pahlawan Lela Perkasa
 Dato' Penghulu Inas
 Sunnah 1218
 (Ini tanda tangan wakil
 mutalak Penghulu Inas
 Bentara Gumpar Omar nama-nya)

Menilek dari isi dan kata2 yang tersebut dalam perjanjian itu nyata sakali bahwa perjanjian tersebut ada-lah menunjukkan begaimana pengaruh Governor British yang hadzir bersama dalam menanda tangani perjanjian itu, perjanjian itu menunjukkan ikrar di-antara Dato'2 Penghulu2 Luak yang tersebut dengan Raja Antah satelah Raja Antah balek dari pelarian ka-Singapura.

Dalam chap atau tanda tangan dari buku yang saya sa-linkan ini tidak pula terdapat chap dan tanda tangan Dato' Penghulu Terachi, tetapi dalam perjanjian itu ada tersebut Penghulu Terachi, ini mungkin kesilapan atau tertinggal penulis yang menyalinkan surat perjanjian asal itu kabuku ini.

Begitu juga tidak ada tertulis dimana perjanjian itu di-tanda tangani, tetapi ada-lah di-yakinkan perjanjian ini dibuat bertempat di-Istana Besar Seri Menanti.

Di-sini juga menunjukkan, bahwa Dato2 Penghulu Luak itu-lah yang berkuasa melantek Raja ketika itu.



SALAH CHETAK.

MUKA SURAT	BARIS	SALAH	BETOL
1	19	di-tuliskan orang2, ra'rat	di-tuliskan oleh orang2, ra'ayat
5	2	Menananti	Menanti
5	27	selaiān	selain
5	28	melaui	melalui
7	15	kterangan	keterangan
9	5	menyemnda-lah	menyemenda-lah
9	6	sukā	suku
11	35	mangodap	mengadap
12	20	menguruniakan	mengurniakan
16	29	Dtao'	Dato'
17	9	hama	nama
19	29	duli Maha Mulie	Duli Yang Maha Mulia
19	35	benar-nya belaka-kah	benar-nya saudara belaka-kah
20	10	thu	tahu
20	14	• kemudaiān	kamudian
20	15	sebilan	sembilan
21	28	kapeda Orong	kapada Orang
21	31	iateri	isteri
25	21	dalamā	dalam
26	16	sebab	Sebab
26	34	Naing	Naning
29	12	puetra	putra
31	8	berumpr	berumor
32	salasilah	T. Ulin	T. Alin
32	27	mennati	menanti
34	9	Mennati	Menanti
36	17	Ibn	Ibni
44	16	kerjaan	kerajaan
44	22	Mohhamad	Muhammad
46	18	tabdir	tadbir
46	22	Superntendent	Superintendent
51	6	beleh	boleh
51	13	gaku---yang	tinggalkan sahaja
57	8	Johal	Johol
57	22	berialan-lah	berjalan-lah
65	1	Muhammad	Muhammad
65	12	bersamman	bersamaan
65	23	Muahammad	Muhammad
70	27	mengubtai-nya	mengubati-nya
70	27	nbaian2	ubatan2
70	35	Yang Maha oleh	Yang Maha Mulia oleh
70	36	kut	kuat
76	17	heribulan	haribulan
81	10	bergelombng	bergelombang
82	18	mengitiharakan	mengistiharkan

**MUKA BARIS
SURAT**

SALAH**BETOL**

84	1	menadang	memandang
85	20	pemeangku	pemangku
85	26	Bagitu	Baginda
85	29	di-ishtiharakan	di-ishtiharkan
86	24	pda	pada
91	27	menurukan	menurunkan
91	27	Dtao'	Dato'
100	31	linggi	Linggi
103	19	Undang yang pada	Undang yang Empat pada
109	29	Yang Mulia	Yang Maha Mulia
110	19	Pahawan	Pahlawan
115	3	msutahak	mustahak
115	24	seceretary	secritary
116	26	perturan	peratoran
116	26	istiada	istiadat
120	1	mehanti	menanti
122	24	Undong	Undang